

BAB

6

MEMPERKASAKAN INSTITUSI MASJID BAGI KESEJAHTERAAN UMMAH

Muhammad Talhah Ajmain @Jima'ain dan Sharul Fitry Abdul Majid

6.1 PENGENALAN

Masjid merupakan lambang syiar Islam yang memainkan pelbagai peranan penting seperti pusat ibadah, penyatuan umat, pendidikan, ekonomi dan budaya. Kehadiran masjid seharusnya berfungsi sebagai pemangkin kepada peningkatan dalam aspek spiritual dalam masyarakat. Masjid perlu diperkasakan sehingga mampu menjadi pusat penyebaran semangat kebersamaan yang terhasil melalui proses interaksi sosial secara fitrah. Dalam situasi apapun, idealnya masjid berperanan sebagai pusat aktiviti dan pembangunan masyarakat demi mewujudkan sebuah komuniti masyarakat yang lebih baik. Namun, dewasa ini peranan masjid dalam menyelesaikan permasalahan sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat dilihat semakin berkurangan.

Peranan besar yang dimainkan oleh masjid ialah sebagai pusat dakwah dan pendidikan. Dakwah dalam konteks ini merujuk kepada program yang mengajak orang bukan Islam kepada Islam, dan juga mengajak serta mendidik masyarakat Islam agar lebih mendalami agama mereka (Mifewil, 2021). Pada zaman Rasulullah SAW, aktiviti dakwah dijalankan melalui majlis ilmu yang disampaikan sendiri oleh Baginda

SAW, sama ada kepada keseluruhan jemaah atau melalui perbincangan dalam kumpulan yang kecil. Baginda SAW bukan sahaja menyampaikan dakwah melalui program-program umum tetapi juga melalui proses pergaulan bersama para Sahabat RA. Masjid juga menjadi tempat menerima tetamu luar dalam kalangan Muslim dan bukan Muslim, yang ingin bertemu Rasulullah SAW. Ramai yang memeluk Islam selepas bertemu Rasulullah SAW di masjid (al-Mubarakfuri, 2019). Oleh itu, kajian ini bertujuan ingin melihat semula fungsi masjid, agar terus diperkasakan peranannya dan terus relevan dalam menghadapi pelbagai situasi yang berlaku pada masa kini.

6.2 FUNGSI MASJID

Firman Allah SWT dalam al-Quran:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ أَمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى
الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿٩٨﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya yang memakmurkan masjid Allah hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, serta (tetap) melaksanakan solat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada apa pun) kecuali kepada Allah. Maka mudah-mudahan mereka termasuk orang-orang yang mendapat petunjuk.”

(Surah at-Taubah, 9:18)

Allah SWT menyebut perkataan “masjid” dalam al-Quran sebanyak 28 kali. Menurut Quraish Shihab (2006), yang dimaksudkan dengan masjid dalam al-Quran ialah tempat melakukan segala aktiviti yang mengandungi ketaatan kepada Allah SWT, seperti dijelaskan dalam ayat ini (Surah al-Jin, 72:18). Adapun maksud “sujud” dalam al-Quran merujuk kepada tiga makna: pertama, penghormatan dan pengakuan akan kelebihan pihak lain (Surah al-Baqarah, 2:34); kedua, kesedaran terhadap kekhilafan dan pengakuan kebenaran yang disampaikan oleh orang lain

(Surah Taha, 20:70); dan ketiga, ketaatan kepada ketetapan Allah SWT yang berkaitan dengan alam sejagat (Surah al-Rahman, 55:6).

Fungsi masjid bukan sahaja sebagai tempat kegiatan yang digunakan untuk tujuan ibadah yang berkait dengan spiritual seperti solat sahaja, tetapi juga bagi pembinaan aspek sosial, pendidikan, pentadbiran, diskusi dan ekonomi serta tujuan lainnya yang sesuai dengan tuntutan dan perkembangan zaman, yang dinyatakan dengan “وَأَتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَحْشَ إِلَّا اللَّهَ” kerana, zakat berfungsi sebagai faktor sosial dan ekonomi (Basiron & Ajmain, 2021; al-Maududi, 2006). Masjid, sebagai “baitullah” atau rumah Allah SWT, menyediakan segala keperluan umat, bukan sahaja dari segi rohaniah tetapi juga keperluan jasmaniah. Kewujudan masjid dalam kehidupan masyarakat memberikan inspirasi dan memainkan peranan yang besar dalam membina hubungan sosial yang baik. Misalnya, pertemuan berkala melalui ritual ibadah solat secara berjemaah mengeratkan hubungan kasih sayang dan persaudaraan sesama Muslim. Oleh yang demikian, masjid perlu diperkasakan fungsinya agar ia dapat berperanan secara menyeluruh kepada umat sejagat.

Masjid memainkan peranan yang lebih luas dan komprehensif dalam kehidupan komuniti Muslim, bukan sekadar sebagai tempat untuk menjalankan ibadah wajib seperti solat lima waktu, solat jumaat, dan ibadah lainnya. Fungsi ini berhubungan langsung dengan hubungan individu dengan Tuhan (*transendental*). Dalam erti kata lain, masjid bukan sahaja meningkatkan hubungan manusia dengan Tuhan, tetapi juga boleh mempererat hubungan manusia sesama manusia. Peranan masjid berkait rapat dengan dua perkara yang penting iaitu adanya aturan masjid yang bersumber dari aturan Allah SWT dan ada program masjid yang perlu berorientasikan kepada Allah SWT dalam usaha mewujudkan kemakmuran. Makmur dalam konteks ini merujuk kepada “*al’umru*”, yang bermaksud program-program masjid yang ada perlu dioptimumkan demi melahirkan keberkatan, kemanfaatan, dan kejayaan ummah. Oleh sebab itu, pembinaan masjid yang baru perlu seiring dengan pembinaan tatakelola dan urus tadbir fungsinya secara